



**Malaysia Competition Commission  
Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

**Seminar Mengenai Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam  
Perolehan Awam (Help Us Detect Bid Rigging)**



**Malaysia Competition Commission**

**TEH JU-LIAN**

**Pegawai Suruhanjaya  
Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan**



**APA ITU TIPUAN BIDA**

**SENARAI SEMAK UNTUK MENGESAN TIPUAN BIDA**

**SESI SOAL JAWAB**

## Apa itu Bidaan?



- **Membida adalah proses jual beli barang atau perkhidmatan melalui tender atau bidaan**
- **Tawaran akan diberikan kepada pembida yang menawar harga yang paling rendah atau yang mengikut spesifikasi**
- **Setiap negara mempunyai undang-undang dan peraturan dalam proses bidaan**

## Apa itu Tipuan Bida (Bid Rigging)?

- **Penetapan harga dan pembahagian pasaran**
- **Pembida-pembida yang terlibat telah menentukan siapakah yang akan memenangi sesuatu tender pada harga yang ditetapkan**
- **Mereka semua mesti berada di dalam halangan mendatar**


## Apa itu Tipuan Bida?



- Mana-mana perjanjian (bertulis atau lisan) antara pembida- pembida bertujuan untuk menghadkan, menyekat atau mengganggu persaingan dalam tender
- Perjanjian boleh berlaku di antara pembida-pembida yang berpotensi dan pembida yang sebenar
- Perjanjian mungkin akan berjaya dan ianya tidak perlu untuk tempoh yang lama
- Di kebanyakan negara lain, tipuan bida adalah satu pelanggaran undang dan di sesetengah negara dikira sebagai satu kesalahan jenayah



## Kenapa kita perlu risau tentang Tipuan Bida?



Perolehan awam lazimnya merangkumi lebih kurang 10-25 % daripada KDNK di kebanyakan negara

Tipuan bida boleh menaikkan harga dengan ketara (20 % atau lebih)



**POTENSI PEMBAZIRAN WANG PEMBAYAR CUKAI ADALAH TINGGI !!!!!**

## Kepentingan Perolehan yang Kompetitif

- Harga yang lebih rendah
- Kualiti produk yang lebih baik
- Menggalakkan inovasi



**Sistem perolehan awam yang kompetitif akan memberi faedah kepada ekonomi negara kerana perolehan awam melibatkan infrastruktur utama (lebuh raya, kereta api, elektrik )**

## Penambahbaikan prosedur perolehan telah membawa kepada penjimatan ketara di beberapa negara



- Penjimatan USD 3.1 juta untuk Lembaga Air dan Pembetungan Karachi (Pakistan)
- Pengurangan ketara dalam harga elektrik di Bangladesh
- Penjimatan 47% dalam perolehan barang ketenteraan di Colombia
- 43% penjimatan dalam kos membeli ubat di Guatemala

Perlaksanaan *Arahan Perolehan Awam Kesatuan Eropah* di antara tahun 1993 dan 2002 menjana penjimatan kos sebanyak EUR5 bilion ke EUR 25 bilion.

## Jenis-jenis Tipuan Bida

### Harga Terselindung

Pembida-pembida berpakat untuk menyerahkan harga yang lebih tinggi supaya pembida tertentu berjaya mendapatkan tender tersebut

### Bidaan Menindas

Pihak-pihak telah berpakat untuk tidak membida dan membenarkan satu pihak yang telah ditentukan untuk memenangi sesuatu tender

### Penarikan Balik Bida

Berlaku apabila pembida-pembida berpakat untuk menarik balik bidaan yang telah dibuat pada penghujung tempoh bida membenarkan pembida terpilih untuk memenangi tender

## Jenis-jenis Tipuan Bida

### **Bidaan secara giliran**

Pembida-pembida mengambil giliran bagi menyerahkan sesuatu harga tender yang paling kompetitif, atau harga yang paling rendah untuk memenangi sesuatu tender. Perkara ini akan dibuat secara bergilir-gilir

### **Bidaan yang tidak mematuhi syarat**

Pembida-pembida berpakuat untuk sengaja menyerahkan bidaan yang tidak mematuhi syarat-syarat tender. Ini agar pembida yang telah dipilih memenangi tender

## Perbezaan Tipuan Bida dengan Rasuah

- Rasuah adalah dimana satu pihak bertindak membayar rasuah untuk mendapatkan faedah atau pertolongan dari seseorang/pihak yang mempunyai kawalan atau pengaruh
- Tipuan bida mestilah melibatkan satu pakatan di mana pihak-pihak yang membida berpakat untuk memenangi tender secara tidak kompetitif
- Apabila hubungan antara pihak-pihak adalah dari halangan menegak, ia adalah rasuah. Sebaliknya, kalau hubungan adalah dari halangan mendatar, ia adalah tipuan bida.
- Ada kemungkinan juga di mana kedua-dua ciri-ciri rasuah dan tipuan bida boleh wujud.



# Senarai Semak untuk mengesan Tipuan Bida

- Bahagian 1 - Tanda dan corak bidaan semasa pembida-pembida mengemukakan bidaan**
- Bahagian 2 - Tanda-tanda dalam borang bidaan yang perlu diperhatikan**
- Bahagian 3 - Tanda-tanda berkenaan harga yang perlu diperhatikan**
- Bahagian 4 - Kenyataan pembida yang mencurigakan**
- Bahagian 5 - Kelakuan Pembida yang mencurigakan**
- Bahagian 6 - Nota peringatan tentang tipuan bida**
- Bahagian 7 - Langkah-langkah yang boleh diambilkan jika mengesyaki berlakunya Tipuan Bida**

# **SENARAI SEMAK UNTUK MENGESAN TIPUAN BIDA**

## **-BAHAGIAN 1-**

**TANDA DAN CORAK BIDAAN SEMASA**  
**PEMBIDA-PEMBIDA MENGEMUKAKAN**  
**BIDAAN**

## Tanda dan corak yang mencurigakan

- Lihat kepada corak bidaan seperti:
  - Pembida/Pengusaha yang sama memenangi tender
  - Pembida/Pengusaha yang sama menyerahkan bidaan dan bergilir-gilir memenangi tender
  - Tawaran bersama atau subkontrak yang tidak perlu



## Contoh tanda dan corak bidaan yang mencurigakan

- Butir bidaan mempunyai persamaan ketara atau hampir sama
- Perbezaan Bidaan yang dibuat terlalu jauh
- Perbezaan bidaan dalam peratusan yang tepat

## Contoh Kes - *U.S. Gloves*

- 4 firma membida 4 jenis kontrak sarung tangan (sarung tangan pakaian wanita, sarung tangan luaran wanita, sarung tangan pakaian lelaki, dan sarung tangan luaran lelaki )
- Setiap jenis sarung tangan adalah kontrak yang berasingan



- Pegawai Perolehan menyedari bahawa setiap satu daripada 4 firma masing-masing memenangi satu kontrak

## Contoh Kes – *Seoul Subway*

- Bandar Seoul telah mengumumkan tender untuk proses penambahbaikan 6 bahagian lalaun keretapi bawah tanah
- Enam syarikat pembinaan memenangi setiap satu bahagian daripada 6 tender yang ditawarkan
- Syarikat pembinaan tersebut telah bersepakat untuk membahagikan satu bahagian kepada syarikat masing-masing



## Contoh Kes – *U.S Paint Brushes*

- Dua syarikat telah membida 90 kontrak tender dalam tempoh 7 tahun
- Pegawai perolehan berjaya mengesan bahawa kedua-dua syarikat tersebut telah memenangi 50% daripada kontrak tender setiap tahun



## Pengalaman Anda?

- Pernahkah anda melihat tanda ataupun corak-corak bidaan yang meragukan?
  - Adalah anda mempunyai pengalaman melihat corak bidaan lain yang meragukan selain yang telah dibincangkan tadi?



# **SENARAI SEMAK UNTUK MENGESAN TIPUAN BIDA**

## **-BAHAGIAN 2-**

**TANDA-TANDA DALAM BORANG BIDAAN YANG  
PERLU DIPERHATIKAN**

## Tanda-tanda mencurigakan di dalam dokumen bidaan

- Kesilapan yang sama, bentuk dokumen bidaan yang sama, kos anggaran yang sama
- Mempunyai alamat, nombor telefon, pekerja yang sama
- Tanda-tanda bahawa bidaan yang dibuat adalah tidak benar kerana tidak mempunyai butiran yang lengkap atau tidak mengikut terma yang disediakan




## Contoh Kes – U.S. *Storm Damage Repair*

- Terdapat kesilapan menaip yang sama di dalam surat iringan yang dihantar untuk membaiki kerosakan disebabkan taufan yang melanda bandar Guam
- Kedua-dua surat iringan tersebut berakhir dengan perkataan:  
***'Please give us a call us if you have any questions. Thank you very much'***
- Menyedari kesilapan meletakkan perkataan “us” sebanyak dua kali di dalam kedua-dua surat tersebut, pegawai perolehan berjaya mengesan pakatan sulit



# *Ekshhibit daripada kes Guam Repair*



## Pengalaman Anda?

- Adakah anda membandingkan dokumen-dokumen yang dihantar oleh pembida?
- Adakah anda mengesyaki sebarang tanda-tanda komunikasi di antara pembida?
- Pernahkah anda menerima bidaan di mana pembida seakan-akan tidak bersungguh untuk memenangi tender tersebut?




# **SENARAI SEMAK UNTUK MENGESAN TIPUAN BIDA**

## **-BAHAGIAN 3-**

**TANDA-TANDA BERKENAAN HARGA YANG  
PERLU DIPERHATIKAN**

## Tanda-tanda mencurigakan di dalam Harga

- Kenaikan harga mendadak yang tidak dapat dijelaskan, atau kehilangan diskaun secara tiba-tiba tanpa penjelasan munasabah
- Perbezaan harga yang meragukan:
  - Mengikut kawasan;
  - Agensi kerajaan;
  - Pembeli kerajaan atau sektor swasta
- Persamaan harga atau terma ketara yang tidak munasabah



## Contoh kes - *El Salvador Airline Tickets*

Services to be rendered	Amate Travel	Agencia Viajes Escamilla	U Travel	Inter-Tours
Cost for issuing round trip tickets	\$39.55	\$39.55	\$39.55	\$39.55
Flight confirmations/ tickets and reservation voucher	Cost free	Cost free	Cost free	NA
Premium Ticket Procedure	Cost free	Cost free	Cost free	NA
Ticket Annulment	Cost free	\$39.55	Cost free (the same day)	NA
Ticket Re-issuance	\$39.55	\$39.55	\$39.55	\$39.55
Issuance of ticket against exchange order (MCO)	\$39.55	Cost free	\$39.55	\$39.55
Procedure for the reimbursement of non-utilized tickets	Cost free	Cost free	Cost free	NA
Procedure for the reimbursement of lost tickets	Cost free	Cost free	Cost free	NA
Train reservation	Cost free	Cost free	Cost free	NA
Delivery services in the metropolitan area	Cost free	Cost free	Cost free	NA
<b>Total</b>	<b>\$118.65</b>	<b>\$118.65</b>	<b>\$118.65</b>	<b>\$118.65</b>

## Contoh Kes - *El Salvador Airline Tickets Tender*

### PENJELASAN SAKSI KES YANG TIDAK MUNASABAH

- U-Travel: *Witness was asked why the service fees are identical. Witness answered it is just a coincidence in calculation procedures, in the cost structure the companies may have*
- Amate Travel: *Witness said commission was calculated on the basis of the 2003 experience, based on their clients' consumption in that account- that is how they arrived to the \$ 35.00 + sales tax*
- Agencia De Viajes Escamilla: *Witness speculates that all companies have the same program with the airline. He can talk about Escamilla's costs. For him, it is very difficult to speculate if those people have the same costs as Escamilla's, if the airline has the same program*
- Inter-Tours: *The witness is asked why, with so many variables that influence in the preparation of the bids and the companies being so different, they all submit bids with identical (to the cent) charges. Witness says he analyses the tender documents, sees where they are flying to, services required, the number of them to be rendered, and then calculates his costs. He does not know the others' costs, but this is the way he calculated them.*

## Pengalaman Anda?

- Pernahkah anda melihat kepada tanda atau corak harga atau terma yang mencurigakan?
- Pernahkan anda melihat sama ada harga telah meningkat secara mendadak untuk bidaan baru?
  - Pernah mengkaji sama ada kenaikan harga munasabah?
  - Pernah mengkaji sama ada terdapat jurang perbezaan yang meragukan di antara pembida?(contohnya mengikut kawasan, agensi, kerajaan atau swasta, dan sebagainya)
- Pernah menerima harga yang sama daripada pembida?



# **SENARAI SEMAK UNTUK MENGESAN TIPUAN BIDA**

**-BAHAGIAN 4-**

**KENYATAAN PEMBIDA YANG**  
**MENCURIGAKAN**

## Kenyataan mencurigakan

- Terdapat tanda-tanda komunikasi di antara pembida
- Kenyataan seperti “harga industri” atau “harga biasa”
- Tanda-tanda pelanggan tertentu atau kawasan tertentu dimiliki oleh pembida tertentu
- Tanda-tanda pembida seakan-akan tahu bahawa mereka tidak akan memenangi sesuatu tender atau seperti tahu pembida yang bakal memenangi tender

## Contoh kes – *Canadian Bus Services*

- Kedua-dua pembida menyerahkan bidaan yang hampir sama
- Selepas tender diberikan, pembida yang gagal mendapat sebahagian besar tender telah menelefon pegawai perolehan



- Nota perbincangan yang dicatat oleh pegawai perolehan menunjukkan bahawa pembida tersebut mengetahui harga bidaan oleh pembida-pembida lain adalah hampir di antara satu sama lain meskipun bidaan dibuat secara sulit

# Alberta Bus Tender (2)

## Alberta Bus Tender (2)



(Mar 1) I clarified the rates with Paul Dion @ Sun Valley and awarded him the \$20,000 contract.

He was surprised to learn that he was only getting the small contract & questioned why we did not split the large one when the pricing was so close. (he said that) I asked him why he thought it was such a close bid ... he hummed & hawed, basically said he thought it would be

# Alberta Bus Tender (3)

## Alberta Bus Tender (3)



Mon - 9:30AM - telecon Paul Bion - wanted to know why the contracts were not split when they were so close that the only difference would be on the overnight rates. I asked him what made him think it was on the overnight rate? He said bases for last couple of years. He then went on to ~~try~~ state the advantages / disadvantages on a fixed night rate versus a cost plus rate.

My feeling is that Sun Valley + Bison Buses are in collusion on these 50A's with the objective of price fixing and reducing competition.

## Pengalaman anda?

- Adakah anda pernah berkomunikasi dengan pembida secara terus?
- Melalui telefon atau secara langsung?
- Adakah anda mencatat perbincangan tersebut?
- Adakah anda menyimpan kesemua nota perbincangan?
- Medium Komunikasi?
- Adakah email-email disimpan?
- Pernahkah anda melihat tanda-tanda bahawa pembida berkomunikasi di antara mereka?




# **SENARAI SEMAK UNTUK MENGESAN TIPUAN BIDA**

**-BAHAGIAN 5-**

**KELAKUAN PEMBIDA YANG**  
**MENCURIGAKAN**

## Contoh-contoh kelakuan meragukan

- Pesaing akan berjumpa secara sulit seperti di dalam mesyuarat persatuan
- Pembida menghantar bidaan bagi pihak pembida-pembida lain
- Pembida-pembida membuat pertanyaan yang sama



## Contoh kes – U.S. Ice Cream

- Dua syarikat menghantar bidaan untuk tender membekal ais krim di Jabatan Pertahanan
- Petunjuk pertama
  - Pembida telah menghantar bidaan pembida-pembida lain dalam tender ini
  - Pegawai perolehan pada mulanya menyedari kedua-dua pembida membuat kesilapan yang sama pada item #35 borang bidaan – kedua-duanya menggunakan angka yang salah iaitu (8,400 GL) yang perlu didarabkan dengan harga (4.68/dz) sedozen dan bukannya (12.45/gal) se galon



# Petunjuk Pertama Kes U.S Ice Cream

Capitol Bid

15	ICE CREAM, REGULAR, TYPE II, GRADE 1, GENERAL 8.0% MP (MIN), CHOCOLATE, FRUIT, NUTS OR OTHER BULKY FLAVORS  <u>13722</u> 4 (FLUID OUNCE) CUP FIBER/PLASTIC	8,400	GL	4.68/doz 12.45/gal	39,312.00
----	--	-------	----	-----------------------	-----------

Briggs Bid

15	ICE CREAM, REGULAR, TYPE II, GRADE 1, GENERAL 8.0% MP (MIN), CHOCOLATE, FRUIT, NUTS OR OTHER BULKY FLAVORS  <u>13722</u> 4 (FLUID OUNCE) CUP FIBER/PLASTIC	8,400	GL	4.50 /doz 11.97/gal	37,600.00
----	--	-------	----	------------------------	-----------

## Contoh Kes – *U.S. Ice Cream*

- Petunjuk Kedua
  - Kedua-dua pembida telah meletakkan alamat di penghujung borang
  - Pegawai Perolehan menyedari bahawa pada asalnya alamat yang sama telah digunakan di atas kedua-dua borang bidaan yang kemudiannya ditukar
  - Kesan tersebut hanya dapat dilihat di atas dokumen asal. Dokumen asal amat penting

# Petunjuk Kedua Kes U.S Ice Cream

OFFER (MUST BE FULLY COMPLETED BY OFFEROR)				
NOTE: ITEM 10 DOES NOT APPLY IF THE SOLICITATION INCLUDES SECTION K, PROVISION NO. 52.214-16, MINIMUM BID ACCEPTANCE				
10. In compliance with the above, the undersigned agrees, if this offer is accepted within <u>73</u> calendar days from the date for receipt of offers specified above, to furnish any or all items upon which prices are at the price set opposite each item, delivered at the designated points, within the time specified in the schedule.				
11. DISCOUNT FOR PROMPT PAYMENT (See Section 1, Clause No. 52-232-81)	10 CALENDAR DAYS %	20 CALENDAR DAYS %	30 CALENDAR DAYS %	CALEND.
12. ACKNOWLEDGEMENT OF AMENDMENTS (The offeror's acknowledgement of acceptance of amendments in the SOLICITATION for offeror and related documents numbered and dated.)	AMENDMENT NO.	DATE	AMENDMENT NO.	DA
13. OFFEROR	CODE	FACILITY CODE		
NAME AND ADDRESS (Street, City, County, State and Zip Code)	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">           Capitol Ice Cream Wholesalers, Inc.            2307 Bladensburg Road, N.E.            Washington, DC 20018         </div>			
<input type="checkbox"/> Check if remitter's address is different from above - Enter such address in schedule (see clause K423)				
AREA CODE AND TELEPHONE NUMBER				
202-632-730				

21

## Contoh Kes – U.S. Ice Cream

- Petunjuk Ketiga
  - Pegawai Perolehan memeriksa sampul surat yang digunakan untuk menyerahkan bidaan
  - Tanda rasmi pos yang terdapat pada sampul surat menunjukkan bahawa kedua-dua sampul surat telah diposkan di pejabat pos yang sama pada waktu yang sama
  - Setem yang digunakan (terdapat gambar kereta) telah mempunyai tanda keratan yang sama


# Petunjuk Ketiga Kes U.S Ice Cream



US LOGISTICS AGENCY  
US PERSONNEL SUPPORT CENTER  
SOUTH 20TH STREET  
OFFICE BOX 8059  
PHILADELPHIA, PA 19101-8059

## Contoh Kes - *Canadian Hotel*

- Kes ini melibatkan tender ke atas hotel yang digunakan oleh pegawai kerajaan Kanada untuk menghimpun tetamu kerajaan di Bandar Ottawa
- Pegawai-pegawai daripada 6 hotel terbesar di Kanada telah berjumpa di sebuah hotel dan mengisi kesemua dokumen tender dengan butiran yang sama
- Mereka telah meletakkan bidaan mereka di dalam sampul surat yang berlainan tetapi menggunakan sampul kourier yang sama untuk dihantar kepada pegawai perolehan kerajaan
- Pegawai kerajaan yang menerima kourier tersebut mengesyaki sesuatu dan telah melaporkan perkara ini kepada pihak atasan
- Perkara ini kemudian telah dilaporkan kepada agensi persaingan dan setelah siasatan dilakukan, kesemua pegawai hotel mengaku bersalah melakukan tipuan bida



## Pengalaman Anda

- Adakah pembekal-pembekal anda selalu berjumpa sesama sendiri sebelum menyerahkan tender sebagai contoh berjumpa di dalam mesyuarat persatuan ?



# **SENARAI SEMAK UNTUK MENGESAN TIPUAN BIDA**

**-BAHAGIAN 6-**

**NOTA PERINGATAN TENTANG TIPUAN  
BIDA**

## Petunjuk tidak bermaksud berlakunya Tipuan Bida

- Perlakuan yang mencurigakan tidak semestinya bermaksud berlakunya tipuan bida
- Jangan membuat kesimpulan tergesa-gesa bahawa pembida terlibat di dalam tipuan bida



# **SENARAI SEMAK UNTUK MENGESAN TIPUAN BIDA**

## **-BAHAGIAN 7-**

**LANGKAH-LANGKAH YANG BOLEH**  
**DIAMBILKAN JIKA ANDA MENGESYAKI**  
**BERLAKUNYA TIPUAN BIDA**

## Langkah-langkah yang boleh diambilkan

- Simpan semua dokumen dan rekod yang berkaitan atau membuat salinan
- Jangan berkongsi maklumat dengan pembida yang disyaki
- Maklumkan pegawai undang-undang dalaman atau pegawai audit atau pegawai atasan anda
- Hubungi agensi relevan seperti MyCC, SPRM, Jabatan Audit Negara dan sebagainya



## Dokumen/maklumat yang diperlukan

- Borang-borang atau dokumen bidaan (asal atau salinan) yang relevan dan menunjukkan tanda-tanda/corak yang mencurigakan.
- Ini boleh merangkumi (tetapi tidak terhad kepada) maklumat tentang pembida-pembida, maklumat tentang tender, harga bidaan, tender-tender lama atau berlainan yang disertai oleh pembida-pembida yang sama dan lain-lain
- Sebarang rekod (seperti surat,emel,fax) komunikasi di antara pembida dan pegawai perolehan yang mencurigakan
- Nota catatan sendiri

## Rumusan

- Mengesan tipuan bida memerlukan pemerhatian dan pemantauan yang teliti pada setiap masa terhadap petunjuk atau tanda-tanda yang mencurigakan seperti:
  - 1) Tanda/Corak Bidaan
  - 2) Borang Bidaan
  - 3) Corak Harga
  - 4) Kenyataan Pembida
  - 5) Kelakuan Pembida



# SOALAN??



**TERIMA KASIH!**  
**THANK YOU**



**[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)**

**[complaints@mycc.gov.my](mailto:complaints@mycc.gov.my)**

**[enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my)**